

MAHATHIR - MIC 'R'R'R

1983

KUALA LUMPUR, 4 JUN (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA BAHAWA MALAYSIA TIDAK PERLU JENIS POLITIK YANG BERGANTUNG KEPADA 'SENSASI DAN KEKERASAN.

PERDANA MENTERI YANG BERUCAP DI PERHIMPUNAN AGUNG MIC DI SINI HARI INI BERKATA POLITIK MALAYSIA ADALAH POLITIK RUNDINGAN, POLITIK DIALOG YANG MENGUTAMAKAN AKAL DARIPADA EMOSI DAN SENSASI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA Pengerusi BARISAN NASIONAL BERKATA TERDAPAT DALAM NEGERA INI AHLI POLITIK YANG SUKA MENGAMALKAN CARA-CARA YANG ASING.

MEREKA INI TIDAK PUAS HATI KERANA DI NEGERA INI PERBALAHAN POLITIK BERLAKU DALAM KEADAAN YANG TERTIB DAN TENANG.

"MEREKA TIDAK PUAS HATI KERANA TINDAKAN LIAR, MOGOK POLITIK, CAMPURTANGAN KUASA ASING SERTA PEMBUNUHAN KANAK-KANAK, ORANG TUA DAN BUKU KAUM TERTENTU TIDAK BERLAKU," TEGASNYA.

"SEBAGAI ANGGOTA PARTI BARISAN NASIONAL, JANGANLAH KITA BENARKAN DIRI KITA DIPENGARUHI OLEH KRITIK ORANG JENIS INI," KATANYA.

-- LAGI 1205/II

.....
ZCZC 0512

MAHATHIR - MIC 2 KUALA LUMPUR 'R'R'R

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DALAM BARISAN NASIONAL TIDAK SEMUA TUNTUTAN YANG DIBUAT OLEH MANA-MANA PIHAK, SAMA ADA TUNTUTAN ORANG MELAYU, ORANG CINA ATAU ORANG INDIA ATAU BUMIPUTERA LAIN, AKAN BERHASIL.

JIKA MANA-MANA BERJAYA MENDAPAT SEMUA TUNTUTAN MELALUI DESAKAN, INI PUN AKAN MENUMBILKAN MASALAH YANG BESAR, KATANYA.

SEBENARNYA PENTADBIRAN NEGARA PERLU MENGAMBIL KIRA KEPENTINGAN SEMUA PIHAK, TETAPI AKHIRNYA KEPENTINGAN NEGARA, YANG TIDAK SEMESTINYA MEMENUHI KEHENDAK SEMUA PIHAK DENGAN SEPENUHNYA, YANG HARUS DIBERI KEUTAMAAN, TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DI MALAYSIA KALAU DIKIRAKAN TIDAK SEMUA TUNTUTAN ORANG MELAYU YANG BERHASIL, DEMIKIAN JUGA TUNTUTAN KAUM-KAUM LAIN.

KATANYA, "JIKA KITA SAYANGKAN DEMOKRASI DAN CARA HIDUP HARMONI, CARA DAN ADAT YANG KITA AMALKAN DALAM BARISAN NASIONAL PERLU DITERUSKAN DAN PERLU DIBERI SOKONGAN OLEH SEMUA PIHAK."

-- LAGI 1208/II

MAHATHIR - MIC 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERKATA "ADA PIHAK YANG TIDAK HABIS MENGECEM KITA, KONON KITA TIDAK DEMOKRATIK, KOLOT, KEJAM, MENYEKAT KEBEBASAN DAN LAIN-LAIN."

"TETAPI KERANA KEBANYAKAN RAKYAT SEDAR TENTANG HAKIKAT INILAH YANG MENJADI SALAH SATU ASAS BAGI MEREKA BERUSAHA MEMELIHARA NEGARA INI DARIPADA DIMUSNAHKAN OLEH MANA-MANA PIHAK," TAMBAH BELIAU.

KATANYA, HINGGA SEKARANG, WALAUPUN ADA PIHAK-PIHAK YANG MENGANJURKAN KONONNYA MEREKA BOLEH MEMBERI ALTERNATIF YANG LEBIH BAIK DENGAN SISTEM DAN IDEOLOGI BARU, RAKYAT TIDAK MENERIMANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA: "JIKA DILIHAT SECARA POSITIF, HAKIKAT BAHAWA KITA SEBUAH NEGARA KECIL YANG MASYARAKATNYA BERKELOMPOK-KELOMPOK DAN PERLU HIDUP BERHARMONI, ADALAH SATU KEKUATAN BAGI KITA.

"JIKA DILIHAT SECARA NEGATIF, PERBEZAAN BOLEH DITAFSIR DAN DIJADIKAN BAHAN UNTUK MELEMAHKAN PERPADUAN."

KATANYA DI KALANGAN CERDIK-PANDAI, TEORI KONFLIK MEMANG LUMRAH SEKALI, HINGGA SEOLAH-OLAH TIAP-TIAP SESUATU ITU ADALAH BERASASKAN KEPADA KONFLIK DAN MEREKA TIDAK SENANG JIKA SESUATU KEADAAN MENCABAR KEBENARAN TEORI KONFLIK MEREKA. -- BERNAMA 1228/II